

SUSS iktiraf pengalaman kerja guru prasekolah dalam buru ijazah

GURU-guru prasekolah NTUC First Campus kini dapat menamatkan pembelajaran mereka di Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS) enam bulan lebih awal.

Ini kerana bermula tahun depan, SUSS akan mengiktiraf pengalaman pekerjaan dan pembelajaran guru-guru dan mengecualikan mereka daripada mengambil modul-modul tertentu.

Guru-guru itu akan diberi 20 unit kredit – bersamaan empat kursus – lantas mereka dapat menerima ijazah mereka enam bulan lebih awal.

Biasanya, untuk lulus dari SUSS dengan segulung ijazah asas melalui kursus separuh masa, mahasiswa dikehendaki menyelesaikan 130 unit kredit, termasuk 10 unit kredit modul teras universiti, lapor *The Straits Times* semalam.

Setiap mahasiswa akan mengambil masa empat hingga lima tahun untuk menamatkan pengajian sarjana muda mereka.

Encik Chan Tee Seng, Ketua Eksekutif NTUC First Campus, berkata pihaknya merupakan pengendali prasekolah pertama di Singapura yang bekerjasama dengan sebuah institusi pendidikan tinggi bagi menawarkan pengiktirafan kredit kepada guru-guru yang mengambil ijazah pendidikan awal kanak-kanak separuh masa.

Tahun depan, NTUC First Campus akan memperuntukkan satu juta dolar setiap tahun untuk lima tahun seterusnya bagi membiayai anugerah dan biasiswa pembelajaran untuk guru-guru yang layak.

Guru-guru akan dipilih berdasarkan pengalaman kerja dan potensi mereka untuk memegang kedudukan kepimpinan yang lebih tinggi seperti ketua guru atau timbalan ketua pusat.

Beliau berucap di Festival Belajar dan Berkongsi untuk mengongsi amalan mengajar kepada guru-guru NTUC First Campus.

Menteri Pendidikan, Encik Ong Ye Kung, yang merupakan tetamu kehormat, memuji inisiatif itu sebagai sesuatu yang inovatif untuk mendekatkan pembelajaran universiti kepada industri, dan di dalam konteks ini sektor prasekolah.

“Pendidikan awal kanak-kanak adalah isu yang menjadi semakin penting kerana kita sedar, semakin kita mempersiapkan anak-anak kecil lebih awal, anak-anak kecil ini dapat menjalani kehidupan yang lebih baik, terutama dalam era di mana kita lihat



KERJASAMA INDUSTRI: Encik Chan Tee Seng (*dua dari kiri*) dan Encik Ong Ye Kung (*tiga dari kiri*) di Festival Belajar dan Berkongsi di Singapore Expo semalam. Encik Ong telah memuji kerjasama antara SUSS dengan NTUC First Campus kerana ia mendekatkan pembelajaran universiti kepada industri. – Foto ZAOBAO

lebih banyak ketidaksamaan,” jelas beliau.

Encik Chan menambah:

“Kebanyakan rakan sekerja kami ingin melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah. Mereka menilai program ijazah bukan hanya untuk status yang diberikan semata-mata, tetapi peluang untuk belajar, meluaskan dan mendalami perspektif mereka agar mereka boleh menjadi guru dan pemimpin yang lebih

baik.”

NTUC First Campus adalah pengendali prasekolah kedua terbesar di Singapura dengan 140 prasekolah My First Skool.

Festival ini, yang diadakan di Singapore Expo disertai lebih 3,500 guru.

Antaranya, Cik Andrea Judy Wong, 24 tahun, yang sedang mengikuti pengajian pendidikan awal kanak-kanak separuh masa di

SUSS.

Beliau, timbalan ketua pusat di My First School di Ang Mo Kio, berkata:

“Jika saya dapat dikecualikan daripada beberapa modul, ia dapat mengurangkan tekanan dan membolehkan saya menyelesaikan kursus pada kadar yang selesa. Saya menanggukuhkan perkahwinan saya kerana pelajaran – saya rasa terlalu sukar untuk

mempunyai komitmen kerja, komitmen belajar dan juga merancang untuk perkahwinan.”

Cik Wong, yang sudah bertunang, berniat mendirikan rumahtangga pada hujung tahun 2020.

Jika beliau berupaya menamatkan pengajiannya lebih awal, beliau ingin mempercepatkan majlis perkahwinannya.